Journal of MANAGEMENT & MUAMALAH
Jurnal Pengurusan dan Muamalah e-ISSN: 2180-1681

PENERBIT UIS PRESS

Vol.16, No. 2 (2026) eISSN 2180-1681
https://doi.org/10.53840/jmm.v16i2.287

Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Niat Berwakaf Tunai melalui Potongan Gaji dalam Kalangan Penjawat Awam Negeri Kelantan

The Influence of Internal Factors on the Intention to Contribute to Cash Waqf through Salary Deduction among Civil Servants in the State of Kelantan

Razali Jusoh[1]* & Hamidah Mat[2]

[1] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia, 15200, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
[2] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia, 47301, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

**Corresponding author: razali_jusoh@oum.edu*

ABSTRAK

Wakaf tunai merupakan instrumen kewangan Islam yang berpotensi besar dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam secara mampan. Namun begitu, prestasi kutipan wakaf tunai di negeri Kelantan masih rendah dan tidak konsisten walaupun majoriti penduduknya beragama Islam dan pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, termasuk skim potongan gaji. Kajian ini dijalankan untuk menilai pengaruh faktor dalaman iaitu pengetahuan dan keberagamaan terhadap niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji dalam kalangan penjawat awam negeri Kelantan, berasaskan kerangka *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang diperluas. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan data diperoleh daripada 388 responden melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan analisis regresi. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap niat berwakaf tunai, manakala keberagamaan tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan. Implikasi daripada dapatan ini menegaskan bahawa tahap literasi wakaf yang tinggi memainkan peranan penting dalam mendorong penyertaan masyarakat, manakala pendekatan berasaskan keberagamaan semata-mata adalah tidak mencukupi. Justeru, strategi pembangunan ekonomi ummah melalui wakaf tunai perlu ditumpukan kepada pendekatan edukatif dan pemerkasaan pengetahuan masyarakat bagi memastikan wakaf tunai dapat berfungsi secara efektif sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi di negeri Kelantan.

Kata Kunci: Wakaf Tunai; Pengetahuan; Keberagamaan; Skim Potongan Gaji; Pembangunan Ekonomi Ummah; Kelantan

Received: October 15, 2025

Revised: April 14, 2026 November 13, 2026

Accepted: November 25, 2026

Online Published: November 27, 2026

ABSTRACT

Cash waqf is an Islamic financial instrument with great potential to contribute to the sustainable socio-economic development of the Muslim community. However, the performance of cash waqf collection in the state of Kelantan remains low and inconsistent, despite the majority Muslim population and various initiatives introduced, including a salary deduction scheme. This study aims to examine the influence of internal factors, namely knowledge and religiosity, on the intention to contribute to cash waqf through salary deduction among civil servants in Kelantan, based on an extended Theory of Planned Behavior (TPB) framework. This quantitative study employed a survey design, with data collected from 388 respondents and analyzed using regression analysis. The findings reveal that knowledge has a positive and significant influence on the intention to contribute to cash waqf, while religiosity shows no significant effect. These results imply that a high level of waqf literacy plays a crucial role in encouraging public participation, whereas a solely religiosity-based approach is insufficient. Therefore, strategies for the economic development of the ummah through cash waqf should focus on educational efforts and knowledge empowerment to ensure that cash waqf can effectively function as an instrument for socio-economic development in Kelantan.

Keywords: *Cash Waqf; Knowledge; Religiosity; Salary Deduction Scheme; Economic Development of the Ummah; Kelantan*

PENGENALAN

Wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam sistem kewangan Islam yang berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi umat. Dalam konteks kontemporari, wakaf tunai telah diperkenalkan sebagai mekanisme yang lebih fleksibel dan inklusif, membolehkan penyertaan masyarakat tanpa keperluan memiliki aset kekal. Antara inovasi terkini ialah pelaksanaan skim potongan gaji wakaf tunai yang menyasarkan penjawat awam sebagai kumpulan utama. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam kalangan penjawat awam negeri Kelantan masih rendah dan tidak konsisten, meskipun kemudahan telah disediakan.

Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi niat seseorang untuk menyertai skim tersebut. Bagi memahami isu ini, kajian ini berasaskan kerangka *Theory of Planned Behavior* (TPB) serta diperluas dengan penekanan terhadap dua faktor dalaman yang signifikan dalam konteks Islam, iaitu pengetahuan dan keberagamaan. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja mengisi kelompongan literatur berkaitan pengaruh faktor dalaman terhadap niat berwakaf tunai melalui potongan gaji, malah turut merumuskan implikasi praktikal bagi memperkukuh strategi pembangunan ekonomi ummah melalui pengukuhan peranan institusi wakaf dan pemerkasaan instrumen kewangan Islam yang lestari.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini memberikan gambaran menyeluruh terhadap kajian-kajian lepas yang menjadi asas penyelidikan, merangkumi konsep dan kepentingan wakaf tunai, prestasi kutipannya di Malaysia khususnya di Kelantan, pelaksanaan skim potongan gaji, serta kerangka teori *Theory of Planned Behavior* (TPB). Turut dibincangkan ialah dapatan kajian terdahulu berkaitan pengaruh pengetahuan dan keberagamaan terhadap niat berwakaf tunai.

Konsep Wakaf Tunai

Wakaf tunai ialah instrumen kewangan Islam yang semakin relevan dalam pembangunan sosioekonomi ummah, melibatkan sumbangan wang yang diurus secara produktif bagi manfaat berterusan. Dalam tradisi klasik, Mazhab Maliki mendefinisikan wakaf tunai sebagai pinjaman tanpa faedah kepada golongan memerlukan, namun tidak menekankan aspek pelaburan (Ahmad, 2015; Al-Tusuli, 1998). Sebaliknya, Zufar Ibn Al-Huzail dari Mazhab Hanafi membolehkan pelaburan wang wakaf melalui kontrak mudarabah, dengan keuntungan diagihkan kepada penerima manfaat, manakala modal dikekalkan (Ibn Nujaym, n.d.).

Wakaf tunai telah dibincangkan dalam karya *Al-Mudawwanah* oleh Imam Malik yang menegaskan bahawa pinjaman dalam konteks wakaf tunai perlu dikembalikan tanpa faedah, selari dengan larangan riba dalam syariah (Malik,1994). Dalam era moden, wakaf tunai dilihat sebagai instrumen mudah akses yang memperluas penyertaan awam tanpa memerlukan aset tetap (Osman et al., 2016; Shahimi et al., 2013). Pengurusan wakaf tunai secara pelaburan dalam sektor produktif seperti pendidikan dan kesihatan menjadikannya pemacu pembangunan sosial (Mokhtar et al., 2015). Ia juga berpotensi menyokong ekonomi produktif termasuk perusahaan kecil dan sederhana (Lubis, 2020). Prinsip kekekalan modal dan penggunaan hasil pelaburan untuk kebajikan merupakan teras utama instrumen ini (Asni & Sulong, 2017) dengan fleksibiliti pelaksanaan melalui konsep istibdal (Che Man et al., 2020). Selain sebagai sumbangan amal, ia juga berfungsi sebagai pembiayaan alternatif berstruktur bagi membantu golongan kurang mampu (Dausa & Thas Thaker, 2016). Cizakca (2004) dan Mohsin (2009) menekankan keperluan pengurusan berterusan, manakala Ahmad (2008) menyifatkan wakaf tunai sebagai wakaf dana yang menuntut pengurusan amanah dan telus. Secara keseluruhan, wakaf tunai mempunyai asas kukuh dalam tradisi Islam dan potensi besar sebagai instrumen pembangunan ekonomi moden.

Signifikan Wakaf Tunai dalam Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Wakaf tunai dikenal pasti sebagai instrumen kewangan Islam yang berpotensi besar dalam pembangunan sosial dan ekonomi umat. Ia bukan sekadar medium kebajikan, tetapi turut menyumbang kepada agihan kekayaan, pengurangan kemiskinan, dan pembangunan infrastruktur. Munir (2013) menyatakan wakaf tunai setanding dengan zakat, infak dan sedekah sebagai sumber dana utama umat Islam, manakala Medias (2017) menekankan peranannya sebagai dana abadi yang memberi manfaat berterusan untuk kesejahteraan masyarakat, termasuk pembinaan kemudahan asas seperti sekolah dan hospital.

Wakaf tunai berperanan sebagai instrumen kewangan Islam yang bebas riba dan berdaya saing, dengan menyediakan pembiayaan tanpa faedah serta menggalakkan disiplin kewangan beretika. Ia menyokong pengagihan kekayaan, pelaburan dalam sektor produktif seperti pendidikan dan kesihatan (Mokhtar et al., 2015), serta pembiayaan mikro untuk PKS (Lubis,

2020). Selain itu, ia menjadi alternatif pembiayaan bagi usahawan kecil (Duasa & Thas Thaker, 2016) dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta sektor ketiga (Kahf, 1998, 2003). Wakaf tunai juga memperluas penyertaan awam (Mohsin dan Muneeza, 2020), menawarkan fleksibiliti berbanding wakaf harta tetap (Dunya, 2002), dan menyokong agihan kekayaan adil melalui qard hasan (Ahmad, M. 2015). Ia mengurangkan kebergantungan terhadap cukai dan pembiayaan luar (Masyita et al., 2005), serta boleh menyokong program sosial seperti subsidi haji, terutama apabila institusi seperti Tabung Haji menghadapi tekanan pelaburan dan perlu mengurangkan bantuan kepada jemaah B40 dan M40 (Laman Rasmi Tabung Haji). Barjoyai Badran mencadangkan penubuhan Tabung Wakaf khas melalui sumbangan kecil daripada dividen pendeposit, yang dianggarkan mampu menjana RM8.9 bilion dalam 10 tahun (Roslinda, 2024). Di peringkat antarabangsa, projek Bandar Wakaf Gaza bernilai RM120 juta menunjukkan potensi wakaf tunai dalam pembangunan semula pasca-konflik, melibatkan penyertaan pelbagai pihak (Mohd Faizul, 2025). Keseluruhannya, wakaf tunai merupakan instrumen kewangan Islam yang fleksibel, mampan dan berimpak tinggi dalam memperkukuh pembangunan ekonomi, kebajikan sosial dan struktur ekonomi Islam secara menyeluruh.

Prestasi Kutipan Wakaf Tunai

Pelaksanaan wakaf tunai di Kelantan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sejak tahun 2015 merupakan satu inovasi penting dalam memperluas penyertaan masyarakat terhadap amalan wakaf melalui pendekatan yang lebih fleksibel dan praktikal. MAIK telah memperkenalkan dua instrumen utama, iaitu Wakaf Tunai MAIK yang merangkumi kategori Wakaf Am, Wakaf Khas Pendidikan, dan Wakaf Khas Kesihatan, serta Saham Wakaf yang membolehkan penyertaan melalui pembelian unit bernilai RM10. Antara projek penting yang direalisasikan melalui wakaf tunai ialah pembangunan semula Pondok Bunut Payong, menunjukkan potensi besar wakaf tunai sebagai sumber pembiayaan alternatif dalam pembangunan pendidikan. MAIK turut menyediakan pelbagai kaedah pembayaran seperti FPX, JomPAY, skim potongan gaji, dan kerjasama dengan institusi kewangan untuk memudahkan penyertaan masyarakat (Laman Rasmi MAIK). Namun begitu, meskipun pelbagai saluran telah diperkenalkan, prestasi kutipan wakaf tunai masih rendah dan tidak konsisten, mencerminkan keperluan kepada strategi yang lebih berkesan dalam meningkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat terhadap wakaf tunai sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang lestari seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Prestasi Kutipan Wakaf Tunai bagi MAIN dan Yayasan Wakaf Malaysia dari Tahun 2016 Hingga 2020

Tahun	Selangor (RM)	YWM (RM)	Johor (RM)	WP (RM)	Pahang (RM)	Perak (RM)	Kelantan (RM)
2016	43,005,499	2,146,460	5,021,580	365,002	279,055	6,007,774	919,109
2017	47,100,000	2,406,319	7,347,450	376,234	260,330	8,274,155	735,281
2018	42,100,000	2,852,643	5,745,200	983,813	257,880	4,687,827	1,733,751
2019	57,134,000	2,858,546	4,681,610	6,533,216	894,590	2,519,444	1,889,841
2020	46,423,000	2,802,895	5,054,640	3,955,619	4,000,216	2,943,697	1,972,449
Jumlah	235,762,499	13,066,863	28,030,480	12,213,884	5,692,071	24,432,897	7,250,431

Sumber: Laman Web Rasmi Perbadanan Wakaf Malaysia, Yayasan Wakaf Malaysia, MAIN Wilayah Persekutuan, Johor, Pahang, Perak dan Kelantan

Berdasarkan Jadual 1, kutipan wakaf tunai di Kelantan antara tahun 2016 hingga 2020 didapati masih rendah dan tidak konsisten berbanding negeri-negeri lain seperti Selangor, Johor,

Wilayah Persekutuan, Perak dan Yayasan Wakaf Malaysia. Pada tahun asas 2016, kutipan direkodkan sebanyak RM919,109.00, namun menurun 20% pada 2017 kepada RM735,281.00. Tahun 2018 menyaksikan lonjakan ketara sebanyak 136% kepada RM1,733,751.00, namun trend tersebut tidak berterusan dengan hanya 9% pertumbuhan pada 2019 (RM1,889,789.09) dan 4.3% pada 2020 (RM1,971,050.02). Meskipun berlaku peningkatan jumlah kutipan secara keseluruhan, kadar pertumbuhan yang tidak stabil menunjukkan tahap penyertaan masyarakat yang masih kurang.

Penemuan ini selari dengan kajian Mat Daud dan Che Daud (2018) yang menunjukkan sambutan terhadap wakaf tunai di Kelantan sejak 2015 masih kurang memberangsangkan. Mohamad dan Sulong (2022) turut melaporkan bahawa sehingga Februari 2022, kutipan wakaf tunai di bawah MAIK hanya berjumlah RM3.35 juta. Walaupun MAIK menyatakan jumlah kutipan melebihi RM10 juta sehingga 2023 (Laman Rasmi MAIK), angka ini masih dianggap rendah.

Di Malaysia, wakaf tunai diiktiraf sebagai strategi penting dalam memperkukuh ekonomi umat Islam, khususnya di negeri seperti Kelantan yang berdepan cabaran sosioekonomi. Namun, pelaksanaannya masih lemah. Purata kutipan bulanan hanya sekitar RM120,840.00 walaupun Kelantan mempunyai 1.8 juta penduduk, dengan 95.5% beragama Islam. Potensi kutipan sebenar dianggarkan boleh mencecah RM2.6 juta sebulan jika setiap individu berpendapatan tinggi menyumbang RM5 dan golongan sederhana RM1 sebulan (Suhaimi dan Ab Rahman, 2017). Jurang ini mencerminkan kelemahan pelaksanaan dan sambutan yang masih rendah.

Statistik menunjukkan terdapat lebih 11,091.82 hektar tanah wakaf di Malaysia bernilai RM1.17 bilion, namun hanya 7.2% telah dibangunkan, manakala selebihnya terbiar (Ismail et al., 2015). Di Kelantan, walaupun memiliki 173.65 hektar tanah wakaf bernilai RM56.7 juta, 70% daripadanya dikategorikan sebagai tidak aktif. Tambahan pula, pertambahan permohonan wakaf tanah saban minggu tanpa sumber dana mencukupi menambah beban kewangan kepada MAIK (Md Kamdari et al., 2017), manakala kekurangan kutipan wakaf tunai terus menyukarkan pembangunan tanah terbiar (Mohammad Yunus et al., 2019).

Dari sudut ekonomi Islam, wakaf menuntut pengembangan aset untuk manfaat jangka panjang masyarakat (Kahf, 1998). Tanah wakaf yang tidak dimajukan menyalahi maqasid wakaf yang mengkehendaki pemeliharaan modal dan penghasilan manfaat berterusan (Bakar, 1999; Zarqa, 1987). Oleh itu, nazir bertanggungjawab memastikan aset wakaf dibangunkan secara produktif, bukan sekadar kekal statik atau beku (Laldin et al., 2006). Pengurusan yang berkesan bukan sahaja memaksimumkan manfaat sosial, tetapi juga memenuhi amanah pewakaf dan objektif syariah. Justeru, tanah wakaf yang tidak produktif perlu diberi perhatian serius agar potensi ekonominya dapat dimanfaatkan secara optimum untuk kesejahteraan ummah.

Kajian Che Hassan dan Ab Rahman (2018) menunjukkan kekurangan dana menghalang pembangunan sektor kritikal di Kelantan seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, pertanian, dan kesejahteraan yang sepatutnya disokong melalui wakaf tunai. Mohamad dan Sulong (2022) turut menekankan pentingnya enam aspek ini dalam menganalisis potensi wakaf tunai sebagai sumber pembiayaan pembangunan sosioekonomi. Dari sudut ekonomi, wakaf tunai boleh dimanfaatkan untuk memberi pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (Che Hassan dan Rahman, 2018), melalui pelaburan berasaskan al-mudharabah (Kahf, 1998), sekali gus memperkukuh ekonomi komuniti tempatan. Menurut Huda (2015), pembangunan ekonomi penting bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat, namun dalam kerangka Islam, ia turut menitikberatkan aspek moral dan spiritual (Mannan, 1993). Andi Iswandi (2014) menegaskan

bahawa pembangunan keimanan merupakan asas kepada ekonomi Islam yang holistik dan seimbang.

Skim Potongan Gaji dan Kepentingan Skim Potongan Gaji

Skim Potongan Gaji wakaf tunai memudahkan individu menyumbang secara konsisten tanpa transaksi berasingan. Pelaksanaannya diperkukuh melalui Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2020 yang dikeluarkan pada 14 Disember 2020 bagi memberi panduan kepada ketua jabatan dan penjawat awam (Laman Rasmi JAWHAR). Skim ini turut disahkan patuh Syariah oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 2007. Ia membolehkan sumbangan bulanan yang lebih teratur, sekali gus meningkatkan jumlah pewakaf dan kutipan dana bagi pelaksanaan projek pembangunan masyarakat.

Skim ini merupakan pendekatan inovatif yang seiring dengan konsep infak dalam talian, menjadikannya lebih mudah, fleksibel dan inklusif. Kajian Amin et al. (2014) menunjukkan bahawa wakaf dalam talian meningkatkan kecekapan kutipan dan membolehkan sumbangan dilakukan pada bila-bila masa tanpa kekangan lokasi. Mejova et al. (2014) turut menyatakan bahawa kaedah ini memperluaskan akses, termasuk kepada individu di luar negara atau kawasan terpencil, sekali gus meningkatkan motivasi pewakaf melalui penggunaan perbankan internet. Di Kelantan, MAIK menyediakan Skim Potongan Gaji Wakaf Tunai untuk kakitangan awam, badan berkanun dan swasta tanpa had minimum, menawarkan fleksibiliti penuh kepada penyumbang.

Kajian Hasbulah, (2012) menyatakan bahawa pelaksanaan wakaf tunai lebih bersifat top-down dan tidak mencerminkan kesedaran sebenar masyarakat, menjadikannya ideal yang sukar dicapai. Data menunjukkan hanya 2,075 daripada 1.6 juta penjawat awam di Malaysia terlibat dalam skim potongan gaji wakaf tunai sehingga Julai 2022 (Mohd Zuki, 2021), mencerminkan penyertaan yang sangat rendah. Di Kedah, hanya 485 kakitangan awam dan 157 dari badan berkanun menyertai skim ini (Roslinda, 2024). Sementara itu, MAINS menyeru penyertaan lebih ramai penjawat awam dengan kadar serendah RM5 bagi meningkatkan kutipan wakaf di Negeri Sembilan (Mohd Amin, 2025).

Dalam konteks yang lebih luas, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bekas Perdana Menteri Malaysia menyarankan agar kerajaan persekutuan merangka inisiatif khas bagi menggalakkan penjawat awam menyumbang secara konsisten melalui potongan gaji (Bernama, 2021). Manakala Presiden Cuepacs turut menyarankan agar setiap penjawat awam menyumbang RM10 sebulan, yang berpotensi menjana RM192 juta setahun, serta menekankan peranan ketua jabatan dalam memupuk penyertaan sukarela (Raiham, 2021).

Pengaruh Pengetahuan terhadap Niat Berwakaf Tunai melalui Skim Potongan Gaji

Dalam ekonomi Islam, pengetahuan berperanan penting dalam membentuk tingkah laku pengguna, termasuk keputusan sumbangan kewangan berasaskan agama. Maichum et al. (2017) menyatakan pengetahuan sebagai faktor utama dalam keputusan pengguna, khususnya berkaitan produk halal. Simanjuntak dan Dewantara (2014) menambah bahawa pengalaman dan maklumat mempengaruhi pengetahuan, seterusnya membentuk kepercayaan individu. Islam pula mengangkat ilmu sebagai nilai tertinggi, yang bukan sahaja membentuk pemikiran tetapi juga tingkah laku (Wan Daud, 1988).

Beberapa kajian terdahulu telah meneliti peranan faktor pengetahuan dalam mempengaruhi niat individu untuk berwakaf tunai, namun dapatan yang diperoleh adalah bercampur. Sebagai contoh, kajian oleh Ash-Shiddiqy (2019) mendapati bahawa pengetahuan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat wakaf tunai dalam kalangan Muslim di Yogyakarta. Penemuan serupa turut dilaporkan oleh Latif et al. (2020) dan Harahap et al. (2020), di mana pengetahuan mengenai konsep dan hukum wakaf tidak memberi kesan langsung terhadap niat berwakaf. Namun begitu, pengetahuan mengenai manfaat wakaf tunai didapati memberi kesan positif dan signifikan terhadap kecenderungan untuk menyumbang. Sebaliknya, kajian-kajian lain seperti oleh Rawnantia dan Murtini (2020), Alifiandya dan Suklama (2020), Cupian, N. N (2020), Rahayu et al. (2021), serta Masriza et al. (2023) menunjukkan bahawa pengetahuan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap niat berwakaf tunai. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa semakin tinggi tahap pemahaman individu terhadap konsep, kepentingan dan manfaat wakaf tunai, semakin besar kecenderungan mereka untuk menyumbang. Sementara itu, kajian oleh Nurul Huda et al. (2022) dalam konteks potongan gaji mendapati pengetahuan tidak mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap niat, meskipun berasaskan kerangka *Theory of Planned Behavior.* Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa walaupun terdapat bukti yang bercanggah, majoriti dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan memainkan peranan penting dalam mendorong niat untuk berwakaf tunai, bergantung kepada dimensi pengetahuan yang difokuskan dalam sesuatu kajian.

Pengaruh Keberagamaan terhadap Niat Berwakaf Tunai melalui Skim Potongan Gaji

Keberagamaan merujuk kepada tahap pemahaman, semangat, dan kepatuhan individu terhadap ajaran agama serta penerapannya dalam kehidupan seharian (Haris, 2017). Dalam Islam, ia bermaksud hidup sepenuhnya berlandaskan ajaran Islam, menjadikan agama sebagai panduan utama, dan berusaha mencapai keredhaan Allah SWT melalui penyerahan diri sepenuhnya. Konsep ini selaras dengan seruan al-Qur'an untuk memasuki Islam secara kaffah, iaitu sebagai cara hidup yang menyeluruh dan bermakna (Shihab, 2001).

Dapatan kajian lepas mengenai pengaruh faktor keberagamaan terhadap niat berwakaf tunai menunjukkan hasil yang bercampur. Sebahagian besar kajian mendapati keberagamaan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat berwakaf tunai seperti yang ditunjukkan oleh Nurul Iman et al. (2021), Zahirah et al. (2023), Mujakir dan Hidayatullah (2022), Mokthar (2018), Nurul et al. (2022), Abdul Syukor et al. (2017), Faisal (2019), Ash Shiddiqy (2019), Harahap et al. (2020), Badawi et al. (2022) dan Masriza et al. (2023). Kajian-kajian ini menegaskan bahawa semakin tinggi tahap keberagamaan seseorang, semakin besar kecenderungan mereka untuk menyumbang kepada wakaf tunai, sama ada secara langsung atau melalui pembentukan sikap positif terhadap wakaf. Namun begitu, terdapat juga kajian yang melaporkan bahawa keberagamaan tidak memberi kesan signifikan, seperti yang ditemui oleh Suhasti et al. (2022), Hadi e tal. (2023), Hasbullah et al. (2019), Cupian, N. N. (2020), serta dalam konteks wakaf saham oleh Ismaila dan Maryanti, (2022). Perbezaan hasil ini mungkin disebabkan oleh konteks geografi, bentuk wakaf yang dikaji, atau pendekatan analisis yang digunakan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, majoriti kajian menyokong keberagamaan sebagai faktor penting yang mempengaruhi niat berwakaf tunai dalam kalangan masyarakat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan secara rentas (*cross-sectional survey*) bagi menilai pengaruh faktor dalaman, iaitu pengetahuan dan keberagamaan, terhadap niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji dalam kalangan penjawat awam negeri Kelantan. Pendekatan tinjauan rentas dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data dilakukan pada satu titik masa tertentu secara efisien, menjimatkan kos, serta berupaya mengukur sikap, persepsi dan tingkah laku populasi sasaran secara empirikal (Creswell & Creswell, 2018).

Populasi kajian ini terdiri daripada seramai 10,423 orang penjawat awam yang berkhidmat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel minimum yang diperlukan bagi populasi berjumlah 10,423 orang ialah seramai 370 orang. Bagi mengurangkan risiko ralat pensampelan serta memastikan kadar pulangan soal selidik yang mencukupi, pengkaji telah mengedarkan dan berjaya memperoleh sebanyak 388 set soal selidik yang lengkap untuk dianalisis, sekali gus melepasi syarat minimum yang ditetapkan. Pemilihan responden dilaksanakan menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian jenis pensampelan mudah (*convenience sampling*), iaitu dengan memilih responden yang mudah diakses dan bersedia memberikan kerjasama sepanjang tempoh pengumpulan data (Etikan et al., 2016; Farrokhi & Mahmoudi-Hamidabad, 2012).

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik berstruktur yang diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu berkaitan tingkah laku wakaf tunai dan *Theory of Planned Behavior* (TPB). Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu Bahagian A (maklumat demografi responden), Bahagian B (faktor pengetahuan yang mengandungi 7 item), Bahagian C (faktor keberagamaan yang mengandungi 10 item), dan Bahagian D (niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji). Tahap persetujuan responden bagi setiap item diukur menggunakan Skala Likert lima mata yang bermula daripada 1 (*sangat tidak setuju*), 2 (*tidak setuju*), 3 (*tidak pasti*), 4 (*setuju*), hingga 5 (*sangat setuju*) (Likert, 1932). Penggunaan skala lima mata ini membantu mengurangkan kekeliruan responden serta meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan maklum balas (Sekaran & Bougie, 2016).

Data yang diperoleh diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Analisis data melibatkan dua peringkat utama, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif merangkumi kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai bagi menghuraikan profil demografi responden serta tahap persepsi mereka terhadap konstruk pengetahuan dan keberagamaan. Seterusnya, sebelum ujian inferensi dijalankan, saringan data dan ujian andaian asas regresi dilaksanakan yang merangkumi pemeriksaan data terpencil (*outliers*), ujian normaliti melalui plot kebarangkalian normal (*Normal P-P Plot*), ujian lineariti dan homoskedastisiti melalui plot taburan reja (*residual scatter plot*), serta ujian multikolineariti menggunakan nilai *Tolerance* dan *Variance Inflation Factor* (VIF) (Hair et al., 2010; Pallant, 2007; Tabachnick & Fidell, 2019). Analisis regresi berganda (*multiple regression analysis*) digunakan untuk menguji hipotesis kajian dan mengenal pasti pengaruh signifikan pemboleh ubah tidak bersandar (pengetahuan dan keberagamaan) terhadap pemboleh ubah bersandar (niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji) pada aras keertian $p < 0.05$ (Field, 2018).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu kekerapan dan min. Analisis dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical the Social Sciences 29* (SPSS 29).

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan kakitangan kerajaan negeri Kelantan yang berwakaf tunai melalui skim potongan gaji. Jadual 2, menunjukkan demografi secara terperinci.

Jadual 2
Profil Demografi Responden (n=388)

Profil Demografi	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	180	46.4
Perempuan	208	53.6
Umur		
21-30	90	23.2
31-40	119	30.7
41-50	104	26.8
51-60	75	19.3
Status Berkahwin		
Berkahwin	319	82.2
Bujang	69	17.8
Tahap Pendidikan		
SPM	82	21.1
STPM/STAM	118	30.4
Ijazah Sarjana Muda	166	42.8
Ijazah Sarjana/PhD	22	5.7
Tahap Pendapatan		
Kurang dari RM4360	231	59.5
RM4360-RM9619	130	33.5
Lebih dari RM9619	27	7.0
Jumlah	388	100.0

Dapatan kajian menunjukkan daripada 388 jumlah responden majoriti adalah perempuan (53.6%), manakala lelaki 46.4%. Dari segi umur, kumpulan 31–40 tahun paling ramai (30.7%), diikuti 41–50 tahun (26.8%), 21–30 tahun (23.2%), dan 51–60 tahun (19.3%). Sebanyak 82.2% responden telah berkahwin, manakala 17.8% bujang. Dari aspek pendidikan, 42.8% memiliki Ijazah Sarjana Muda, diikuti STPM/STAM (30.4%), SPM (21.1%), dan hanya 5.7% berkelulusan Sarjana atau PhD. Dari segi pendapatan, 59.5% berpendapatan di bawah RM4360, 33.5% antara RM4360–RM9619, dan hanya 7.0% melebihi RM9619.

Analisis Persepsi Penjawat Awam Kerajaan Negeri Kelantan terhadap Faktor Pengetahuan

Terdapat tujuh item faktor pengetahuan dalam kajian ini yang digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden berdasarkan Skala Likert lima mata. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis persepsi terhadap item-item pengetahuan terhadap wakaf tunai.

Jadual 3
Persepsi Terhadap Item-item Pengetahuan

Bil.	Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1.	Saya memahami prosedur untuk melaksanakan wakaf tunai melalui skim potongan gaji.	3.89	0.736
2.	Saya memahami dengan jelas bahawa dana wakaf tunai yang dikumpul melalui skim potongan gaji hanya digunakan untuk tujuan yang dibenarkan syarak.	4.31	0.68
3.	Saya mengetahui kelayakan pengecualian cukai pendapatan bagi sumbangan wakaf tunai melalui skim potongan gaji.	3.57	1.000
4.	Saya mengetahui penyertaan dalam wakaf tunai melalui skim wakaf tunai adalah atas dasar sukarela.	4.23	0.711
5.	Saya memahami dengan jelas bahawa jumlah sumbangan wakaf tunai melalui skim potongan gaji ditetapkan mengikut kemampuan kewangan individu.	4.35	0.644
6.	Saya mengetahui dengan jelas bahawa saya boleh mengubah jumlah sumbangan wakaf tunai melalui skim potongan gaji pada bila-bila masa.	4.15	0.819
7.	Saya mengetahui skim potongan gaji wakaf tunai memberi kemudahan untuk berwakaf berbanding kaedah berwakaf yang lain.	4.13	0.741

Berdasarkan Jadual 3, analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pemahaman sederhana hingga tinggi terhadap prosedur wakaf tunai melalui skim potongan gaji (min = 3.89, SP = 0.736), dengan 72.2% bersetuju atau tidak pasti, manakala 27.9% tidak bersetuju. Sebahagian besar responden juga memahami bahawa dana wakaf hanya digunakan mengikut syarak (min = 4.31, SP = 0.680), dengan 88.1% bersetuju, mencerminkan kesedaran tinggi terhadap ketelusan pengurusan wakaf, walaupun masih wujud segelintir (11.9%) yang kurang pasti atau tidak faham.

Pengetahuan mengenai pengecualian cukai pendapatan berada pada tahap sederhana (min = 3.57, SP = 1.000), dengan hanya 57.8% menyedari insentif ini, menunjukkan perlunya usaha mempertingkat kesedaran. Dari segi kefahaman bahawa penyertaan skim ini adalah sukarela, 86.8% bersetuju (min = 4.23, SP = 0.711), namun masih terdapat 13.1% yang tidak pasti atau tidak bersetuju.

Sebanyak 90.7% responden menyedari bahawa sumbangan ditetapkan mengikut kemampuan kewangan individu (min = 4.35, SP = 0.644), menunjukkan kefahaman yang baik terhadap fleksibiliti jumlah sumbangan. Sementara itu, 79.7% bersetuju bahawa sumbangan boleh ditambah, dikurang atau dihentikan pada bila-bila masa (min = 4.15, SP = 0.819), walaupun 20.4% masih keliru.

Akhir sekali, 80.4% responden menyatakan skim potongan gaji lebih mudah berbanding kaedah lain (min = 4.13, SP = 0.741), namun 19.6% masih kurang faham tentang kemudahan yang ditawarkan. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan yang baik tetapi masih memerlukan penambahbaikan dalam aspek kesedaran insentif cukai, fleksibiliti dan pemahaman dasar sukarela skim.

Analisis Persepsi Penjawat Awam Kerajaan Negeri Kelantan Terhadap Faktor Keberagamaan

Terdapat sepuluh item konstruk keberagamaan dalam kajian ini yang digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden berdasarkan Skala Likert lima mata. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis persepsi terhadap item-item keberagamaan terhadap wakaf tunai.

Jadual 4
Persepsi Terhadap Item-item Keberagamaan

Bil.	Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1.	Saya memahami wakaf tunai melalui potongan gaji sabagai satu inovasi yang meningkatkan amalan keagamaan.	4.23	0.685
2.	Saya percaya bahawa wakaf tunai melalui potongan gaji mengikut hukum syarak.	4.05	0.669
3.	Saya yakin nilai agama Islam berperanan besar dalam mendorong saya berwakaf tunai melalui skim potongan gaji.	4.06	0.739
4.	Saya percaya dengan berwakaf tunai saya akan mendapat pahala di akhirat kelak.	4.28	0.693
5.	Sejarah Islam telah membuktikan bahawa wakaf tunai telah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam.	3.93	0.768
6.	Saya yakin dana wakaf tunai boleh membantu meningkatkan kesejahteraan umat Islam.	4.24	0.699
7.	Sifat pemurah mendorong saya untuk berwakaf tunai.	4.12	0.718
8	Saya merasakan amalan wakaf tunai merupakan salah saru instrumen tanggungjawab sosial dalam Islam.	3.99	0.761
9.	Sumbangan saya terhadap wakaf tunai semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah SWT.	4.26	0.650
10.	Saya percaya bahawa amalan wakaf tunai adalah salah satu cara untuk menjamin penekalan dan mengembangkan aset umat Islam.	4.20	0.738

Jadual 4 menunjukkan tahap keberagamaan responden adalah tinggi, dengan semua item mencatat min melebihi 3.90. Item tertinggi ialah keyakinan terhadap pahala wakaf tunai di akhirat (Min = 4.28), diikuti niat ikhlas kerana Allah (Min = 4.26) dan kesedaran manfaat sosial wakaf (Min = 4.24). Responden turut memahami wakaf tunai sebagai inovasi keagamaan (Min = 4.23), berlandaskan syarak (Min = 4.05), serta didorong nilai Islam (Min = 4.06) dan sifat pemurah (Min = 4.12). Item terendah ialah kesedaran sejarah wakaf (Min = 3.93), namun masih dalam julat tinggi. Keseluruhannya, dapatan menunjukkan keberagamaan kukuh dalam kalangan kakitangan kerajaan negeri Kelantan, justeru pendekatan nilai agama wajar diutamakan dalam memperkasa wakaf tunai melalui potongan gaji di Kelantan.

Analisis Min dan Sisihan Piawai Konstruk Pengetahuan dan Keberagamaan

Analisis min dan sisihan piawai terhadap konstruk pengetahuan dan keberagamaan dalam kajian ini di tunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5
Min dan Sisihan Piawai Konstruk Pengetahuan dan Keberagamaan

Konstruk	N	Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Pengetahuan	388	4.092	0.508	Tinggi
Keberagamaan	388	4.137	0.485	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, analisis deskriptif terhadap dua konstruk utama dalam model kajian, iaitu pengetahuan dan keberagamaan, menunjukkan bahawa kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan responden. Kajian ini melibatkan seramai 388 orang responden, dan hasil analisis min serta sisihan piawai memberikan gambaran yang jelas mengenai persepsi responden terhadap kedua-dua konstruk tersebut.

Bagi konstruk pengetahuan, nilai min yang dicatatkan ialah 4.09 dengan sisihan piawai sebanyak 0.508. Nilai min yang melebihi skor 4.00 menandakan bahawa tahap pengetahuan responden terhadap wakaf tunai adalah tinggi. Ini mencerminkan bahawa majoriti responden mempunyai pemahaman yang baik mengenai konsep, kepentingan serta pelaksanaan wakaf tunai, khususnya melalui skim potongan gaji. Di samping itu, sisihan piawai yang rendah menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan atau variasi antara responden, menggambarkan tahap pengetahuan yang agak seragam dalam kalangan mereka.

Sementara itu, bagi konstruk keberagamaan, nilai min yang diperoleh ialah 4.13 dengan sisihan piawai sebanyak 0.484. Nilai min yang tinggi ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap keberagamaan yang tinggi, menunjukkan bahawa nilai-nilai keagamaan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian mereka. Sisihan piawai yang rendah pula menunjukkan bahawa tahap keberagamaan responden adalah hampir sama dan tidak banyak berbeza antara satu sama lain.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk pengetahuan dan keberagamaan berada pada tahap yang tinggi dan relatif konsisten dalam kalangan responden. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua faktor tersebut berpotensi memberi pengaruh yang signifikan terhadap niat berwakaf tunai dalam konteks kajian ini.

Analisis Faktor Pengetahuan dan Keberagamaan yang Mempengaruhi Niat Berwakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji

Bahagian ini menganalisis hubungan antara pengetahuan dan keberagamaan terhadap niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji menggunakan analisis regresi. Sebelum analisis dijalankan, beberapa andaian dipenuhi, termasuk saiz sampel mencukupi, ketiadaan data terpencil, ketiadaan multikolineariti, dan taburan normal. Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel minimum bagi populasi 10,423 adalah lebih 300; kajian ini melibatkan 388 responden, maka andaian ini dipenuhi.

Data terpencil dikenal pasti melalui scatterplot berdasarkan kriteria Tabachnick dan Fidell (2007), iaitu nilai residual melebihi ±3.3. Walaupun terdapat kes terpencil, bilangannya kecil dan masih boleh diterima (Pallant, 2007). Ujian multikolineariti menggunakan *Collinearity Diagnostics* menunjukkan semua nilai Tolerance melebihi 0.10 dan VIF di bawah 10, menepati saranan Hair et al. (2010), sekali gus menunjukkan tiada isu multikolineariti serius dalam model.


Jadual 6
Hasil Ujian Calinearity Diagnostic

Faktor	*Tolerance*	*Variance Inflation Factor* (VIF)
Pengetahuan	0.489	2.045
Keberagamaan	0.416	2.405

Berdasarkan Jadual 6, semua pembolehubah dalam kajian ini mencatatkan nilai Tolerance antara 0.416 hingga 0.709 dan nilai VIF antara 1.410 hingga 2.405. Kesemua nilai ini berada dalam julat yang diterima, sekali gus menunjukkan bahawa tidak terdapat masalah multikolinearitiyang serius dalam model regresi yang dibina. Nilai VIF yang jauh lebih rendah daripada had maksimum 10 mengukuhkan lagi dapatan ini. Hasil lengkap ujian *Collinearity Diagnostics* dipaparkan dalam Jadual 6.

Rajah 1


Graf Plot Normal Regrasi



Berdasarkan Rajah 1, *Normal P-P Plot* menunjukkan titik-titik residual hampir sepenuhnya berada di sepanjang garis diagonal, menandakan residual teragih secara normal dan andaian normaliti dipenuhi (Coakes, 2005). Rajah 2 pula menunjukkan *residual scatter plot* dengan taburan skor tertumpu di sekitar titik tengah dan bertentangan skala 0, menunjukkan kesamaan varian (homoskedastisiti) serta lineariti hubungan. Corak taburan yang menaik dan padat menunjukkan hubungan linear yang positif antara pembolehubah ramalan dan pembolehubah bersandar, iaitu niat. Ketiadaan pola melengkung atau penyebaran rawak menyokong kesesuaian model regresi (Pallant, 2007). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa andaian normaliti, lineariti dan homoskedastisiti telah dipenuhi, menjadikan model regresi ini sesuai dan boleh dipercayai.

Rajah 2

Plot Taburan Reja (Residual Scatter Plot)



Pengaruh Pengetahuan Terhadap Niat Wakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji

Berdasarkan analisis regresi dalam Jadual 7, didapati bahawa faktor pengetahuan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat berwakaf tunai. Nilai koefisien regresi (Beta) adalah 0.270, manakala nilai statistik-t adalah 3.959 dan nilai p ialah 0.000. Nilai-nilai ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan secara statistik antara pengetahuan dan niat berwakaf pada aras keertian 0.05. Ini bermakna, peningkatan tahap pengetahuan responden berkaitan wakaf tunai akan meningkatkan kecenderungan mereka untuk menyumbang melalui skim potongan gaji.

Dapatan ini adalah selari dengan beberapa kajian terdahulu seperti yang dijalankan oleh Rawnantia dan Murtini (2020), Alifiandya dan Suklama (2020), Cupian, N. N. (2020), Rahayu et al. (2021), serta Masriza et al. (2023), yang menegaskan bahawa semakin tinggi tahap pemahaman individu terhadap konsep, kepentingan dan manfaat wakaf tunai, semakin tinggi niat mereka untuk berwakaf. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa literasi wakaf yang baik mampu memperkukuh niat, khususnya apabila individu memahami ganjaran spiritual dan sumbangan sosial yang terkandung dalam amalan wakaf. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang melaporkan dapatan yang bercanggah. Misalnya, Ash-Shiddiqy (2019), Abdul Latif et al. (2020), dan Harahap et al. (2020) mendapati bahawa pengetahuan mengenai konsep atau hukum wakaf tidak memberi kesan langsung terhadap niat, manakala Huda et al. (2022) pula melaporkan bahawa pengetahuan tidak signifikan dalam konteks wakaf melalui potongan gaji, meskipun menggunakan kerangka *Theory of Planned Behavior*.

Perbezaan dapatan ini berkemungkinan berpunca daripada faktor konteks geografi, variasi jenis wakaf yang dikaji, atau dimensi pengetahuan yang diberi penekanan dalam kajian masing-masing. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menyokong pandangan bahawa pengetahuan merupakan pemangkin penting dalam mendorong niat berwakaf tunai, terutamanya apabila individu memiliki kefahaman yang jelas terhadap manfaat dan mekanisme wakaf yang ditawarkan.

Pengaruh Keberagamaan Terhadap Niat Wakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji

Berdasarkan analisis regresi dalam Jadual 7, didapati bahawa faktor keberagamaan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat berwakaf tunai. Nilai koefisien regresi (Beta) yang diperoleh adalah 0.076 dengan nilai statistik-t 1.144 dan nilai p 0.253, yang menunjukkan hubungan yang lemah dan positif tetapi tidak signifikan secara statistik pada aras signifikan 0.05. Ini bermakna peningkatan tahap keberagamaan hanya memberi kesan yang sangat kecil terhadap niat berwakaf tunai dan tidak cukup kuat untuk dianggap signifikan dalam model kajian ini.

Dapatan ini bertentangan dengan kebanyakan kajian terdahulu yang menegaskan peranan penting faktor keberagamaan dalam mempengaruhi niat berwakaf tunai. Kajian seperti yang dijalankan oleh Iman et al. (2021), Zahirah et al. (2023), Mujakir dan Hidayutullah (2022), Mokthar (2018), serta Masriza et al. (2023) mendapati bahawa semakin tinggi tahap keberagamaan seseorang, semakin besar kecenderungan mereka untuk menyumbang kepada wakaf tunai, sama ada secara langsung mahupun melalui pembentukan sikap positif terhadap wakaf. Namun begitu, dapatan kajian ini adalah selari dengan beberapa kajian lain seperti Suhasti et al. (2022), Hadi et al. (2023), Hasbullah et al. (2019), dan Cupian, N. N. (2020), yang turut melaporkan bahawa keberagamaan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat berwakaf. Dalam konteks wakaf saham, kajian oleh Ismaila dan Maryanti (2022)

juga menunjukkan dapatan yang sama. Perbezaan hasil ini mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti konteks geografi, jenis instrumen wakaf yang dikaji, latar belakang responden, atau pendekatan metodologi yang digunakan.

Oleh itu, meskipun majoriti kajian terdahulu menyokong keberagamaan sebagai faktor utama, dapatan kajian ini memberi perspektif baharu bahawa keberagamaan mungkin tidak berperanan secara langsung dalam mempengaruhi niat berwakaf tunai, dan kemungkinan wujudnya faktor lain yang lebih dominan seperti kepercayaan, pengaruh sosial, atau tahap literasi wakaf wajar dipertimbangkan dalam kajian lanjutan.

Jadual 7
Pengaruh Pengetahuan dan Keberagamaan Terhadap Niat Wakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji

Faktor	Beta	SM	SD	T	P
Pengetahuan	0.270	0.268	0.068	3.959	0.000
Keberagamaan	0.076	0.080	0.066	1.144	0.253

Implikasi Terhadap Pembangunan Ekonomi Ummah dalam Konteks Negeri Kelantan

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa faktor pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji dalam kalangan penjawat awam negeri Kelantan membawa beberapa implikasi penting terhadap strategi pembangunan ekonomi ummah di negeri tersebut. Pertama, penemuan ini menyerlahkan keperluan untuk memperkasa literasi wakaf dalam kalangan masyarakat, khususnya penjawat awam, kerana tahap kefahaman yang tinggi terhadap konsep, manfaat dan mekanisme wakaf tunai terbukti mampu mendorong penyertaan yang lebih aktif dan berterusan. Hal ini amat signifikan memandangkan Kelantan berdepan dengan prestasi kutipan wakaf tunai yang rendah dan tidak konsisten, sekalipun majoriti penduduknya beragama Islam. Justeru, pendekatan yang bergantung semata-mata kepada kekuatan keberagamaan tidak memadai, sebaliknya perlu digabungkan dengan strategi pendidikan, pendedahan dan komunikasi yang efektif.

Kedua, sorotan literatur turut menunjukkan bahawa potensi ekonomi wakaf tunai di Kelantan masih belum dioptimumkan. Dengan populasi Muslim yang tinggi, wakaf tunai seharusnya menjadi sumber pembiayaan alternatif utama dalam sektor-sektor kritikal seperti pendidikan Islam, kesihatan dan keusahawanan. Namun, kegagalan untuk memanfaatkan potensi ini telah menyebabkan usaha pembangunan ummah melalui instrumen yang berpaksikan syariah bergerak perlahan.

Ketiga, pembangunan tanah wakaf di Kelantan juga terbantut akibat kekurangan dana, sedangkan wakaf tunai yang dikutip secara konsisten berupaya membiayai pembangunan aset wakaf seperti institusi pendidikan, kemudahan kesihatan dan infrastruktur sosial yang lain. Ini selari dengan prinsip maqasid syariah yang menuntut harta wakaf dimanfaatkan secara produktif.

Keempat, dapatan ini mengisyaratkan keperluan reformasi institusi dan pendekatan promosi. MAIK sebagai badan utama pengurusan wakaf di Kelantan perlu merangka semula strategi engagement yang lebih inklusif, bersifat mendidik, dan berfokus kepada penyampaian maklumat yang mudah difahami masyarakat awam. Ini termasuk penggunaan platform digital, seminar berasaskan komuniti, serta kerjasama antara institusi wakaf dan jabatan kerajaan bagi memperkukuh kesedaran dan penyertaan. Kajian juga menunjukkan bahawa skim potongan

gaji merupakan instrumen yang praktikal dan konsisten untuk mengumpul dana wakaf, namun kadar penyertaan masih rendah akibat kurangnya kefahaman dan promosi menyeluruh.

Akhirnya, jika pengetahuan tentang wakaf tunai dapat diperluas dan dikukuhkan dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan, terutamanya melalui penjawat awam sebagai pemangkin perubahan, negeri ini berpotensi membina satu model pembangunan ekonomi Islam yang lebih berdikari, inklusif dan lestari. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada sumber pembiayaan konvensional dan memberi ruang kepada ekonomi Islam untuk berkembang secara dalaman melalui konsep *ta'awun* dan *sadaqah jariyah*. Oleh itu, implikasi keseluruhan daripada dapatan kajian ini menuntut transformasi daripada pendekatan normatif kepada pendekatan edukatif dalam pengurusan wakaf, sekaligus mengangkat wakaf tunai sebagai salah satu instrumen utama pembangunan sosioekonomi ummah di Kelantan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penulisan ini menegaskan bahawa wakaf tunai merupakan instrumen kewangan Islam yang berpotensi besar dalam menyokong pembangunan sosioekonomi ummah, khususnya di negeri Kelantan. Meskipun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, termasuk skim potongan gaji oleh MAIK, prestasi kutipan wakaf tunai di negeri ini masih rendah dan tidak konsisten. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pengetahuan memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi niat penjawat awam untuk berwakaf tunai, manakala faktor keberagamaan tidak menunjukkan kesan yang signifikan. Hal ini membuktikan bahawa pemahaman yang jelas terhadap konsep, manfaat dan mekanisme wakaf tunai lebih berkesan dalam mendorong penyertaan masyarakat berbanding pendekatan yang hanya berteraskan kesedaran keagamaan. Implikasi ini menuntut transformasi strategi promosi dan pendidikan wakaf yang lebih bersifat inklusif, bersasar dan berasaskan fakta, termasuk memperkasa penggunaan saluran digital dan kolaborasi rentas institusi. Dengan pengukuhan pengetahuan masyarakat serta penyertaan aktif penjawat awam melalui skim potongan gaji, Kelantan berpotensi membina model ekonomi Islam yang lebih berdikari, mampan dan berpaksikan kepada prinsip maqasid syariah dalam merealisasikan pembangunan ummah secara holistik.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Open University Malaysia atas sokongan dan cadangan yang membina dalam meningkatkan kualiti artikel ini.

PENYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penyelidikan ini mengesahkan bahwa tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

Abdul Syukor, S., Anwar, I. F., Sabri, H., Abd Aziz, S., & Mohd Ariffin, A. R. (2017). Giving behaviour: Who donated cash waqf? *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, *19*, 1–14.

Ahmad, A. (2008). Perlaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, *2*(2), 87–97.

Ahmad, M. (2015). Cash waqf: Historical evolution, nature and role as an alternative to riba-based financing for the grass root. *Journal of Islamic Finance*, *4*(1), 63–74. https://doi.org/10.31436/jif.v4i1.58

Alifiandya, M. M., & Sukmana, R. (2020). The influence of planned behaviour theory and knowledge towards the waqif intention in contribution waqf. *JEBIS: Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, *6*(2), 260–272. https://doi.org/10.20473/jebis.v6i2.22624

al-Tasuli, A. I. (1998). *Al-bahjah fi sharh al-tuhfah*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Amin, H., Abdul-Rahman, A. R., Ramayah, T., Supinah, R., & Mohd-Aris, M. (2014). Determinants of online waqf acceptance: An empirical investigation. *The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries*, *60*(1), 1–18. https://doi.org/10.1002/j.1681-4835.2014.tb00429.x

Andi, I. (2014). Maslahat memelihara harta dalam sistem ekonomi Islam. *Salam: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, *1*(1), 19–32. https://doi.org/10.15408/sjsbs.v1i1.1525

Ash-Shiddidy, M. (2019). Pengaruh pendapatan, religiusitas, jarak lokasi, tingkat pendidikan dan akses informasi terhadap minat masyarakat untuk berwakaf uang di Badan Wakaf Uang Tunai MUI DIY. *Jurnal Agama dan Masyarakat*, *2*(2), 249–269.

Asni, M. F. H. M., & Sulong, J. (2017). Wakaf tunai dan aplikasinya dalam undang-undang di negara ASEAN. *Jurnal Syariah*, *25*(2), 217–246. https://doi.org/10.22452/js.vol25no2.3

Badawi, M. R. A. P., Siswanti, Y., Syari'udin, A., Kholid, M. N., Muslichah, I., & Gusman, T. A. (2022). Religiosity and subjective norm in waqf intention: The mediating role of attitude. *International Journal of Research in Business and Social Science*, *11*(8), 264–275. https://doi.org/10.20525/ijrbs.v11i8.2102

Bakar, M. D. (1999). Amalan institusi wakaf di beberapa negara Islam: Satu perbandingan. Dalam N. M. Nik Hassan (Ed.), *Konsep dan pelaksanaan wakaf di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Bernama. (2021, 14 April). *Penjawat awam digalak berwakaf secara berkala melalui potongan gaji*. Bernama. https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1951676

Che Hassan, S. N. A., & Ab Rahman, A. (2018). The potential of cash waqf in the socio-economic development of society in Kelantan: A stakeholder's perspective. Dalam A. Ab Rahman (Ed.), *New developments in Islamic economics* (hlm. 67–82). Emerald Publishing Limited. https://doi.org/10.1108/978-1-78756-283-720181005

Che Man, N., Abd Wahab, N. A., Ab Hamid, N., Rabu, N., & Nordin, R. (2020). Relevansi penggunaan konsep istibdal dalam wakaf tunai: Kajian terhadap projek Baitul Awqaf UiTM Cawangan Melaka. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, *1*(1), 38–47.

Coakes, S. J. (2005). *SPSS version 12.0 for Windows: Analysis without anguish*. John Wiley & Sons Australia.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (Ed. ke-5). SAGE Publications.

Cupian, & Najmi, N. (2020). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap wakaf uang di Kota Bandung. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, *6*(2), 151–162. https://doi.org/10.29040/jiei.v6i2.1046

Duasa, J., & Thas Thaker, M. A. M. (2016). A cash waqf investment model: An alternative model for financing micro-enterprises in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, *1*(2), 161–188. https://doi.org/10.21098/jimf.v1i2.536

Dunya, S. A. (2002). *Al-waqf al-naqdi, madkhal li taf'il dawr al-waqf fi hayatina al-muasirah*. *Awqaf*, *3*, 57–82.

Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, *5*(1), 1–4. https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11

Faisal, M. (2019). Sikap, norma subjektif, religiusitas dan partisipasi terhadap wakaf tunai Li Falah. *Journal of Islamic Economics and Business Studies*, *4*(2), 235–250.

Farrokhi, F., & Mahmoudi-Hamidabad, A. (2012). Rethinking convenience sampling: Defining quality criteria. *Theory and Practice in Language Studies*, *2*(4), 784–792. https://doi.org/10.4304/tpls.2.4.784-792

Field, A. (2018). *Discovering statistics using IBM SPSS statistics* (Ed. ke-5). SAGE Publications.

Hadi, E. F., Huzaini, M., & Hidayah, A. A. (2023). Factors influencing the interest of the Muslim generation in cash waqf in West Nusa Tenggara Province. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis (IJMRA)*, *6*(10), 4694–4706. https://doi.org/10.47191/ijmra/v6-i10-20

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (Ed. ke-7). Pearson.

Hair, J. F., Howard, M. C., & Nitzl, C. (2020). Assessing measurement model quality in PLS-SEM using confirmatory composite analysis. *Journal of Business Research*, *109*, 101–110. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.11.069

Harahap, D., Arif, M., Farizal, N., & Nauli, M. (2020). Waqf behavior during the COVID-19 pandemic. *Jurnal Iqtisaduna*, *1*(1), 136–148.

Haris, M. (2017). Agama dan keberagamaan: Sebuah klarifikasi untuk empati. *Tasamuh: Jurnal Studi Islam*, *9*(2), 523–544. https://doi.org/10.32489/tasamuh.21

Hasbullah, F., Fuadi, F., & Ramadhan, M. R. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat wakaf masyarakat di Kota Lhokseumawe. *Jurnal Ekonomi dan Manajemen Teknologi (EMT)*, *3*(2), 81–84. https://doi.org/10.35870/emt.v3i2.111

Hasbullah, H. (2012). Dinamika pengelolaan wakaf uang (Studi sosio-legal perilaku pengelolaan wakaf uang pasca pemberlakuan UU No. 41 Tahun 2004 tentang Wakaf). *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, *12*(2), 123–143. https://doi.org/10.18326/ijtihad.v12i2.123-143

Huda, N. (2015). *Ekonomi pembangunan Islam*. Kencana.

Huda, N., Santosa, P. W., & Rini, N. (2022). Factors that influence Muslim employee behavior to contribute to money waqf through salary cutting. *Iranian Economic Review*, *26*(3), 595–610. https://doi.org/10.22059/ier.2022.88864

Ibn Nujaym. (t.t.). *Al-bahr al-raiq sharh kanz al-daqaiq*. Dar Al-Kitab Al-Islami.

Iman, N., Santoso, A., & Kurniawan, E. (2021). Wakif's behavior in money waqf: An approach to theory of planned behavior. *Ekuilibrium: Jurnal Ilmiah Bidang Ilmu Ekonomi*, *16*(1), 12–23. https://doi.org/10.24269/ekuilibrium.v16i1.3266

Ismail, M., & Muneeza, A. (2020). *The institution of waqf: An innovative financial tool for socio-economic development*. Pearson.

Ismail, N. A., Abdul Razak, A., & Muhammad, F. (2015). Amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu, Kelantan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, *9*, 14–25. https://doi.org/10.51200/ljms.v9i.2981

Ismalia, N., & Maryanti, T. (2022). Determinants of intention to donate on share waqf: The case of Muslim workers in Jakarta. *JEBIS: Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, *8*(1), 1–17. https://doi.org/10.20473/jebis.v8i1.32379

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (t.t.). *Laman rasmi JAWHAR*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://www.jawhar.gov.my/en/

Kahf, M. (2003, 6–7 Januari). *Waqf as a private legal body* [Pembentangan kertas kerja]. International Seminar on Waqf, Islamic University of North Sumatra, Medan, Indonesia.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*(3), 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Laldin, M. A., Hassan, M., & Bahari, Z. (2006, 12–14 September). *Maqasid syari'ah dalam pelaksanaan wakaf* [Pembentangan kertas kerja]. Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Malaysia.

Latif, A., Haryadi, I., & Susilo, A. (2020). Pengaruh pemahaman wakaf terhadap niat berwakaf tunai jama'ah masjid di Kecamatan Kota Ponorogo. *Islamic Economics Journal*, *7*(1), 31–44. https://doi.org/10.21111/iej.v7i1.6227

Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*, *22*(140), 1–55.

Lubis, H. (2020). Potensi dan strategi pengembangan wakaf uang di Indonesia. *Islamic Business and Finance (IBF)*, *1*(1), 43–59.

Maichum, K., Parichatnon, S., & Peng, K. C. (2017). The influence of environmental concern and environmental attitude on purchase intention towards green products: A case study of young consumers in Thailand. *International Journal of Business Marketing and Management*, *2*(3), 1–8.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (t.t.). *Laman rasmi MAIK*. Diambil pada 20 April 2024.

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. (t.t.). *Laman rasmi MAIPk*. Diambil pada 20 April 2024.

Majlis Agama Islam Negeri Johor. (t.t.). *Laman rasmi MAINJ*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://www.e-wakafjohor.gov.my

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (t.t.). *Laman rasmi MUIP*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://muip.gov.my

Malik ibn Anas. (1994). *Al-mudawwanah al-kubra* (Jil. 4). Dar al-Fikr.

Mannan, M. A. (1993). *Ekonomi Islam: Teori dan praktek*. Dana Bakti Wakaf.

Masrizal, Huda, N., Harahap, A., Trianto, B., & Sabiu, T. T. (2023). Investigating the determinants of cash waqf intention: An insight from Muslims in Indonesia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, *9*(1), 17–38. https://doi.org/10.21098/jimf.v9i1.1610

Masyita, D., Tasrif, M., & Telaga, A. S. (2005, 17–21 Julai). *A dynamic model for cash waqf management as one of the alternative instruments for the poverty alleviation in Indonesia* [Pembentangan kertas kerja]. 23rd International Conference of the System Dynamics Society, Massachusetts Institute of Technology (MIT), Boston, MA, Amerika Syarikat.

Mat Daud, M. H., & Che Daud, B. (2018). Sejarah dan latar belakang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai pengurus wakaf di Negeri Kelantan. *Insaniah: International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, *1*(1), 56–71.

Md Kamdari, N. A., Yusoff, R., & Abdul Malik, S. (2017). Public awareness towards corporate waqf by Waqf An-Nur Corporation Berhad in socio-economic development to public society. Dalam *Proceedings of Muktamar Waqf Iqlimi IV 2017* (hlm. 171–181). Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

Medias, F. (2017). Bank wakaf: Solusi pemberdayaan sosial ekonomi Indonesia. *Indonesian Journal of Islamic Literature and Muslim Society*, *2*(1), 61–84. https://doi.org/10.22515/islimus.v2i1.741

Mejova, Y., Weber, I., Venkata, R. K. G., & Dougal, M. C. (2014). Giving is caring: Understanding donation behavior through email. *CSCW 2014 Civic Participation*.

Mohamad, S. R., & Sulong, Z. (2022). Cash waqf in Kelantan: Prospects and challenges. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, *7*(45), 320–325.

Mohammad Yunus, S., Mohammad Nasir, N., & Mohd Zain, A. B. (2019). *Pembentukan dana melalui wakaf tunai di Malaysia: Perbadanan Wakaf Selangor*. Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd Amin Jalil. (2025, 15 Mac). *Orang ramai digalak berwakaf dengan potongan gaji serendah RM5*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1368517/orang-ramai-digalak-berwakaf-dengan-potongan-gaji-serendah-rm5

Mohd Faizul Haika Mat Khazi. (2025, 29 Januari). *Malaysia tidak akan jatuh miskin bangunkan Bandar Wakaf di Gaza: Dr Zulkifli*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/710197/berita/nasional/malaysia-tidak-akan-jatuh-miskin-bangunkan-bandar-wakaf-di-gaza-dr-zulkifli

Mohd Zuki Ali. (2021). *Potongan gaji penjawat awam*. Utusan Online. https://utusan.com.my

Mohsin, M. I. A., & Muneeza, A. (2020). Critical analysis of responsibility practices of waqf institutions. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, *16*(1), 1–20. https://doi.org/10.33102/jmifr.v16i1.206

Mokhtar, F. M., Sidin, E. M., & Razak, D. A. (2015). Operation of cash waqf in Malaysia and its limitations. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, *11*(4), 100–114. https://doi.org/10.12816/0024792

Mokthar, M. Z. (2018). *Pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang* [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.

Mujakir, & Hidayatullah, M. S. (2022). Pengaruh literasi dan tingkat religiusitas terhadap minat berwakaf uang (Studi kasus: Masyarakat Kabupaten Bima). *Al-Awqaf: Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam*, *15*(2), 61–77. https://doi.org/10.47411/al-awqaf.Vol15Iss2.167

Munir, Z. A. (2013). Revitalisasi manajemen wakaf sebagai penggerak ekonomi masyarakat. *De Jure: Jurnal Hukum dan Syar'iah*, *5*(2), 162–171. https://doi.org/10.18860/j-fsh.v5i2.3008

Osman, A. F., Mohammed, M. O., & Fadzil, A. (2016). Factor influencing cash waqf giving behavior: A revised theory of planned behavior. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, *1*(2), 12–25.

Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual* (Ed. ke-3). Allen & Unwin.

Perbadanan Wakaf Selangor. (t.t.). *Laman rasmi PWS*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://www.wakafselangor.gov.my

Pusat Pungutan Zakat - MAIWP. (t.t.). *Laman rasmi Wakaf PPZ*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://wakafppz.com.my

Rahayu, R. N. I., Pramuka, B. A., & Wahyudin. (2021). The influence of information media, knowledge, and subjective norms on interest in performing cash waqf. *International Sustainable Competitiveness Advantage*, 638–647.

Raiham Mohd Sanusi. (2021, 14 April). *Cuepacs seru 1.6 juta penjawat awam berwakaf melalui potongan gaji*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/133410/berita/nasional/

Rawnantial, N., & Murtani, A. (2020). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi minat masyarakat dalam berwakaf. *Jurnal Mahasiswa Fakultas Ekonomi dan Bisnis*, *1*(1), 62–69.

Roslinda Hashim. (2024, 29 Februari). *Orang ramai digalak berwakaf melalui potongan gaji*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/652045/edisi/utara/orang-ramai-digalak-berwakaf-melalui-potongan-gaji

Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (Ed. ke-7). John Wiley & Sons.

Shahimi, S., Marzuki, M. U. M., & Embong, Z. (2013). Potential of cash waqf for poverty alleviation in Malaysia: A system dynamics approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, *47*(2), 149–163.

Shihab, M. Q. (2001). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, kesan, dan keserasian al-Qur'an*. Lentera Hati.

Simanjuntak, M., & Dewantara, M. M. (2014). The effects of knowledge, religiosity value, and attitude on halal label reading behavior of undergraduate students. *ASEAN Marketing Journal*, *6*(2), 65–76. https://doi.org/10.21002/amj.v6i2.4216

Suhaimi, F. M., & Ab Rahman, A. (2017). *Wakaf tunai: Pembangunan ekonomi masyarakat Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suhasti, W., Handayani, L. F., & Winarno, Y. P. (2022). Pengaruh persepsi, religiusitas, dan pendapatan masyarakat Muslim Kabupaten Sleman terhadap minat berwakaf uang. *Al-Intaj: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syariah*, *8*(1), 114–128. https://doi.org/10.29300/aij.v8i1.5471

Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2019). *Using multivariate statistics* (Ed. ke-7). Pearson.

Wan Daud, W. M. N. (1988). *Budaya ilmu: Konsep, prasyarat dan perlaksanaan di Malaysia*. Nurin Enterprise.

Yayasan Waqaf Malaysia. (t.t.). *Laman rasmi YWM*. Diambil pada 20 April 2024, daripada https://www.ywm.gov.my

Zahirah, Q. R., Juliana, J., & Kariyawan, B. (2023). Developing the theory of planned behavior in the realm of cash waqf. *Proceeding of the International Conference on Finance, Business and Banking*, 233–241.

Zarqa, M. A. (1987). Some modern means for the financing and investment of awqaf projects. Dalam H. Basar (Ed.), *Management and development of awqaf properties*. Islamic Research and Training Institute (IRTI) / Islamic Development Bank (IDB).